

Pendedahan kepimpinan kepada peserta

▶ 35 pemimpin pelajar ikuti Kursus Pembimbing Suai Mesra

UB 22.8.2019 B2



KOTA KINABALU: Seramai 35 pemimpin pelajar dari Majlis Tertinggi (MT) dan Majlis Eksekutif (ME) menyertai Kursus Pembimbing Suai Mesra (PSM) anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Bilik Seminar JHEP baru-baru ini.

Kursus PSM itu diadakan



AKTIVITI: Antara aktiviti semasa kursus PSM MSM diadakan.

sempena Minggu Suai Mesra (MSM) bagi Sesi 2019/2020 dan dibahagikan kepada dua

kursus iaitu Kursus Bimbingan dan Kursus Perkasa.

Objektif kursus ini diad-

akan adalah untuk memantapkan semangat jati diri, disiplin, kebersamaan, kerjasama dalam berpasukan dan pendedahan kepimpinan kepada peserta.


Penyelaras kursus ini ialah Ketua Bahagian Pembangunan Pelajar, JHEP Alna Tugon.

Penceramah-penceramah jemputan ialah Pendaftar UMS Vina Zahriani, Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Norti Sirin, Ketua Bahagian Sumber Manusia Masri Judah dan Pengetua Kolej Kediaman Tun Fuad Prof Madya Dr. Puteri Hayati Megat Ahmad.

Turut terlibat fasilitator daripada pegawai-pegawai



PESERTA: Di antara peserta kursus PSM MSM 2019.



CERAMAH: Masri menyampaikan ceramahnya pada sesi kursus PSM MSM 2019-2020.

JHEP iaitu Adzmil Abidin, Jumrat Minsun, Alan

James, Mohd Jamal Atong, Hilda Sagulu, Fazilah Nur

Ahmad, Norain Abd. Razak, Norhana Nordin, Rohaizam Lamdin, Hirmanshah Hussain dan Ridzal Mohd Shafri.

Majlis Perasmian Penutupan Kursus PSM MSM sesi 2019/2020 diadakan serentak bersama Majlis Ramah Mesra Timbalan Naib Canselor (HEPA) pada 15 Ogos 2019 di Anjung Siswa, JHEP.

Turut hadir dalam majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof. Dr. Ismail Ali, Ketua Jabatan Kamisah Husin, Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng, Pengarah Pusat Kerjaya dan Alumni Talib Abdullah Shani, Pengarah Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti, mantan Pengarah Pusat Sukan Mohd Asyraf Abdullah, pengetua-pengetua kolej kediaman, Pengarah PSM MSM Kali Ke-25 sesi 2019/2020 UMS Sugianto Johan, pegawai-pegawai dan staf JHEP.



ALBUM: Sesi bergambar penceramah Norti Sirin bersama peserta-peserta kursus PSM MSM.